

Post-Bajet 2017

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri bolehlah dirumuskan sebagai memberi tumpuan kepada kesejahteraan kehidupan rakyat. Ini terpaksa dilakukan dengan berlatarbelakangkan keadaan ekonomi yang lembap. Permintaan antarabangsa perlahan kerana pertumbuhan ekonomi dunia yang lembap. Permintaan oleh negara-negara pengimport utama Malaysia menunjukkan penurunan. Sementara di dalam negara, sentimen pengguna dan peniaga juga tidak memberangsangkan. Mengikut tinjauan MIER, kedua-dua Indeks Keadaan Perniagaan (*Business Conditions Index – BCI*) dan Indeks Sentimen Pengguna (*Consumer Sentiments Index – CSI*) untuk suku ketiga 2016 menunjukkan penurunan.

Di dalam situasi ini kerajaan berhadapan dengan cabaran untuk menggubal suatu belanjawan yang mampu menjana pertumbuhan ekonomi sambil tidak mengabaikan kesejahteraan kehidupan rakyat jelata. Bajet 2017 didapati menyasarkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sederhana, yakni di antara 4.0 – 5.0 peratus, antara lain dengan melaksanakan dasar fiskal berbentuk projek-projek yang secara terus memberi kesejahteraan kepada rakyat jelata. Peruntukan melebihi RM10.2 bilion disasarkan untuk pembinaan dan penambahbaikan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik serta lain-lain projek mesra rakyat.

Isu semasa kenaikan kos sara hidup, yang terus hangat diperkatakan, turut mendapat perhatian kerajaan di dalam Bajet 2017. Secara amnya, strategi yang dilaksanakan adalah dengan cara meningkatkan pendapatan rakyat serta mengurangkan perbelanjaan, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Strategi peningkatan pendapatan rakyat adalah dengan cara bayaran pindahan, subsidi, pelepasan cukai dan perlaksanaan program-program untuk menjana pendapatan rakyat.

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Bayaran pindahan berbentuk pemberian tunai melalui Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) diteruskan dengan peruntukan RM6.8 bilion. Semua kategori pendapatan menerima kenaikan kadar BR1M berbanding tahun ini dan dijangka memanfaatkan tujuh juta penerima. Strategi pemberian tunai secara terus mungkin suatu langkah yang perlu di dalam situasi semasa, walaupun banyak pihak yang menyuarakan keberkesanannya dari segi peningkatan pendapatan individu secara mapan. Dasar ini diharap dapat digantikan dengan dasar yang lebih produktif yang mampu menjana pendapatan individu secara berkekalan di masa hadapan apabila keadaan mengizinkan.

Pelbagai subsidi dan insentif turut diberikan kepada pesawah padi, pekebun kecil getah dan nelayan untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka yang bukan sahaja rendah bahkan tidak menentu dipengaruhi oleh keadaan iklim dan cuaca. Isu pendapatan yang rendah di kalangan petani, pekebun kecil getah dan nelayan juga perlu di tangani secara yang lebih mapan melalui strategi menaikkan pendapatan mereka secara kekal. Usaha berterusan perlu digembleng untuk menangani isu ini di masa hadapan. Dalam pada itu, golongan kurang bernasib baik seperti keluarga miskin dan orang kurang upaya (OKU) juga menerima manfaat dari segi bayaran tunai dan lain-lain kemudahan untuk membantu meningkatkan pendapatan mereka.

Langkah kerajaan melaksanakan strategi menjana pendapatan rakyat adalah suatu langkah yang baik. Antara program-program yang dicadangkan adalah MySuria, Mobilepreneur, Agropreneur, eUsahawan dan eRezeki dengan peruntukan RM275 juta. Strategi seperti ini diharap dapat ditingkatkan di masa hadapan, terutamanya melibatkan aktiviti pertanian dan industri asas tani. Peruntukan pemberian tunai secara langsung mungkin boleh dipindahkan kepada program-program sedemikian secara sedikit demi sedikit.

Pelbagai strategi untuk meningkatkan pemilikan rumah dilihat mampu untuk membantu mengurangkan beban kepada golongan yang terbabit. Ini kerana isu pemilikan rumah tidak mampu diselesaikan oleh keadaan pasaran yang dipengaruhi oleh permintaan yang tinggi untuk rumah berharga mahal. Lebih dari 70,000 isi rumah dijangka akan mendapat manfaat secara langsung dari pelbagai rancangan yang disediakan oleh

kerajaan melalui Bajet 2017 ini. Di samping itu, ramai yang turut mendapat manfaat secara tidak langsung melalui pengecualian duti setem untuk pembelian rumah pertama bagi rumah berharga kurang dari RM300,000. Masyarakat FELDA, FELCRA dan RISDA juga turut mendapat manfaat dari peruntukan yang disediakan sebanyak RM400 juta untuk pembangunan infrastruktur rumah generasi kedua.

Dengan pemilikan rumah, kos sara hidup golongan yang terlibat mampu dikurangkan dengan efektif kerana perbelanjaan berkaitan perumahan merupakan salah satu perbelanjaan terbesar untuk isi rumah. Selain dari itu, perbelanjaan untuk makanan juga menyumbang peratusan terbesar kepada perbelanjaan isi rumah. Kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion sebagai usaha untuk mengurangkan kos barang-barang makanan melalui usaha peningkatan pengeluaran. Tambah lagi, RM140 juta diperuntukkan bagi menambahbaikkan pengagihan barang-barang makanan dengan menaiktarafkan 150 Agrobazaar Rakyat.

Pelbagai strategi juga turut dirancang untuk menjana pertumbuhan perniagaan dan pelaburan. Usaha untuk menarik pelaburan swasta diteruskan seperti biasa oleh kerajaan. Usaha untuk mempertingkatkan eksport merupakan langkah yang bijak di dalam suasana pasaran dunia yang lembap. Namun, langkah yang terpenting diambil oleh kerajaan adalah dengan memberi tumpuan khusus untuk pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). 2017 diisytiharkan sebagai tahun “Penubuhan dan Promosi PKS” selari dengan kepentingan PKS dari segi sumbangan kepada KDNK dan pekerjaan. Sehubungan dengan itu, pelbagai program dan insentif disediakan termasuk kemudahan dana dan pelepasan cukai.

Secara umumnya, di dalam konteks kesejahteraan rakyat, semua golongan tidak dipinggirkan di dalam peruntukan belanjawan. Dalam pada itu, kerajaan dilihat terus memberi tumpuan kepada pembangunan sosioekonomi meliputi semua aspek, termasuk kesihatan dan pendidikan. Usaha pembangunan modal insan juga tidak ditinggalkan.

Bajet 2017 turut mengumumkan permulaan perencanaan rancangan jangka panjang yang dinamakan Transformasi Nasional 2050 bergelar TN50. TN50 akan mencorakkan pembangunan jangka panjang negara selepas era WAWASAN 2020. Generasi muda

meliputi semua bangsa diberi kepercayaan untuk merencanakan TN50 di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Strategi ini amat menggalakkan kerana cabaran selepas mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 adalah lebih getir tanpa perancangan yang jitu.